



KELAM-KABUT...beberapa penduduk bertungkus-lumus memindahkan barang.



DAYUNG...kanak-kanak di Setiu menggunakan sampan mengharungi banjir, semalam.



REDAH...seorang warga emas terpaksa meredah banjir menuju ke pusat pemindahan.

Sekitar banjir

Tiga daerah mula bah

>>Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
+ am@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: Hujan lebat sejak awal pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan di tiga daerah iaitu Hulu Terengganu, Besut dan Setiu dinaiki air menyebabkan

kan penduduk terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan.

Sehingga jam 5 petang, lapangan pusat pemindahan dibuka di tiga daerah itu bagi menempatkan 373 mangsa daripada 84 keluarga manakala dua jalan di Hulu Terengganu iaitu Jalan Kuala

Berang ke Sungai Tong (Lubuk Tengkawang) dan Jalan Kampung Jak ditutup.

Mengikut laman web Majlis Tindakan Negara (MKN) Terengganu semalam, dua pusat pemindahan dibuka di Setiu iaitu Masjid Kampung Merbau Menyusut dan Balai raya Kampung Tasek me-

nempatkan 115 mangsa manakala di Hulu Terengganu di Balai raya Masjid Sekayu, Kampung Cheting dan Kampung Pelandan menempatkan 83 mangsa.

Di Besut, seramai 175 mangsa ditempatkan di Dewan Serba guna Kampung Keruak, Dewan Masjid Kam-

pung Keruak dan Masjid Kampung La.

Sementara itu, Setiausaha MKN Terengganu, Tajul Arifin Muhammad, menasihatkan orang awam sentiasa peka dengan amaran pihak berkuasa demi keselamatan mereka.

"Saya berharap orang awam mengikuti arahan jika di-

arahkan berpindah awal.

"Jangan tunggu air naik baru berpindah kerana menyukarkan proses pemindahan," katanya, semalam.

Orang ramai yang menghadapi masalah banjir atau bencana boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana Negeri di talian 09-6316021.

495 penduduk tetap kebimbangan

Tip menghadapi banjir

- Pastikan semua suis elektrik dan suis utama dimatikan.
- Sediakan barang keperluan asas yang paling penting.
- Simpan semua dokumen penting dan barang berharga di tempat selamat.
- Awasi kanak-kanak dan jangan biarkan mereka bermain di kawasan banjir.
- Pastikan rumah berkunci dan barang disimpan di tempat tinggi jika dipindahkan.
- Bersiap sedia untuk berpindah dan segera berpindah sekiranya diarahkan pihak berkuasa.
- Jangan keluar rumah mengharungi air banjir kerana bimbang dihanyutkan air deras.
- Jangan memandu mengharungi air banjir kerana dikhuatiri kenderaan dihanyutkan.
- Simpan air bersih di dalam botol untuk kegunaan memasak dan minuman.
- Simpan nombor penting (ahli keluarga, jiran, balai polis, bomba) untuk kegunaan ketika kecemasan.



BAHAYA... Tokiman menunjukkan rumahnya retak akibat banjir.

JOHOR BAHRU: Kira-kira 495 penduduk Kampung Laut dan Poh Chee Leng, Skudai di sini, dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, namun tetap bimbang banjir berulang berikutan keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

Penduduk Kampung Laut, Tokiman Ahmad Jalil, 56, mendakwa air hujan tidak dapat mengalir ke parit dengan sempurna berikutan sistem saluran gagal menampung air setiap kali hujan lebat sebelum dialirkan

ke anak Sungai Skudai.

Katanya, keadaan itu berlarutan sejak beberapa tahun lalu tanpa sebarang penyelesaian menyebabkan penduduk bimbang keselamatan keluarga masing-masing khususnya penyakit berjangkit dan haiwan berbisa.

Tinjauan Harian Metro di kampung itu mendapati, penduduk pulang ke rumah masing-masing dari pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Skudai Batu 10, berikutan air surut sejak jam 10 malam kelmarin.



SERAH... Pengarah Operasi Bencana Persatuan Bulan Sabit Merah Kebangsaan, Datuk Dr Bahari Abu Mansor (dua dari kanan) menyerahkan bot dan peralatan memasak.

Lima keluarga dipindah

KOTA BAHARU: Hujan berterusan sejak dua hari lalu di negeri ini menyebabkan beberapa kawasan rendah dinaiki air dengan lima keluarga di Pasir Puteh mula dipindahkan petang semalam.

Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Dr Zainuddin Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Kelantan berkata, lima keluarga dengan 26 ahli keluarga itu

dipindahkan secara berperingkat ke Sekolah Kebangsaan Bukit Awang bermula jam 3.30 petang.

Beliau berkata, laluan utama Kota Baharu-Pasir Puteh di Bukit Abal ditutup kepada kenderaan ringan akibat digenangi air satu meter.

Menurutnya, bagi menghadapi bencana banjir, sebanyak 729 pusat pemindahan disediakan di seluruh negeri dengan muatan 150,700 orang manakala Jabatan Kebajikan

Masyarakat menyediakan bekalan makanan seperti beras, sardin, biskut, minyak masak, gula, teh dan kopi.

Maklumat berhubung banjir di Kelantan boleh diperoleh menerusi portal khas di alamat, <http://ebanjir.kelantan.gov.my>.

Zainuddin memohon Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat kajian bagi membantu menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering melanda negeri itu.